



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM PENGEMBANGAN SUBSEKTOR TANAMAN JABATAN PERTANIAN TAHUN 2024

KLANG, 28 April 2024 – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu telah merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Tahun 2024 anjuran Jabatan Pertanian di KSL Esplanade Hotel, Klang.

Menurut Datuk Seri Mohamad Sabu, program tiga hari yang dilaksanakan secara hibrid ini berjaya mengumpulkan hampir 1,000 orang peserta yang terdiri daripada pemain industri dalam subsektor tanaman makanan dan pegawai pengembangan daripada pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi. “Simposium yang mengangkat tema “Inovasi Pertanian bagi Keterjaminan Makanan” merupakan platform terbaik untuk memacu transformasi positif sektor agromakanan ke arah pembudayaan inovatif terutamanya bagi memperkasakan sistem pengembangan pertanian dalam subsektor tanaman makanan,” katanya.

Dalam majlis ini, Datuk Seri Mohamad Sabu turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak yang dikenal sebagai Klinik Doktor Pokok. Perkhidmatan bergerak ini menyediakan kemudahan seperti makmal mini (khidmat analisis air/tanah, diagnostik penyakit/perosak), bahan rujukan, ruangan perbincangan, dan kemudahan pameran.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pertanian atas kejayaan inovasi Sistem GeoTanaman yang berjaya dinobatkan sebagai Juara Kategori *e-agriculture* dalam *World Summit Information Society (WSIS) Prizes 2024* yang dianjurkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). “Pengiktirafan ini membuktikan bahawa inovasi penggunaan ICT dalam bidang pertanian yang dihasilkan oleh Jabatan Pertanian berjaya mendapat pengiktirafan dunia. Saya berharap inovasi ini berjaya muncul pemenang utama bagi kategori ini yang akan diumumkan secara rasmi pada 28 Mei 2024 di Geneva, Switzerland,” ucap beliau.

Dalam majlis yang sama, Ketua Pengarah Pertanian, Dato’ Nor Sam binti Alwi berkata, selain daripada Sistem GeoTanaman dan Klinik Doktor Pokok, Jabatan Pertanian turut memperkenalkan pelbagai inisiatif pertanian berasaskan teknologi terkini kepada kumpulan sasar melalui Sistem e-Pengembangan, Program *Farmers Fields School* (FFS) dan mySOILDOCTOR.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut melancarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut Sedia Ada. “Penerbitan buku ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang ingin mengusahakan projek pertanian di tanah gambut dengan menekankan aspek penggunaan sumber tanah secara mampan berteraskan Amalan Pertanian Baik dan penjagaan alam sekitar,” jelas beliau lagi.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Pengarah Pertanian, Dato’ Nor Sam binti Alwi dan pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi.

###

**Disediakan oleh;**

**Jabatan Pertanian Malaysia**

**Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)**